



UNIVERSITY COLLEGE OF AVIATION MALAYSIA

AVIATION.EDU.MY



Vokalis Kumpulan Umbrella iaitu Zarul yang merupakan bekas pramugara Malaysia Airlines bangga ada University College of Aviation Malaysia (UniCAM) di Malaysia .

Beliau tidak menyangka kursus yang ditawarkan di UniCAM sangat menarik iaitu bidang penerbangan termasuk Diploma Cabin Crew and Airline Services.

" Dulu zaman saya tiada kursus-kursus mengenai Cabin Crew . Bila ada peluang sebegini ia sangat bagus untuk memberi pendedahan awal sebagai cabin crew termasuk menghadapi temuduga . Anda akan rasa lebih yakin ", kata Zarul.

Beliau berkongsi semasa ditemuduga di Malaysia Airlines, beliau mendapat soalan situasi di dalam cabin bagaimana untuk menyakinkan orang luar tentang kesedapan Nasi Lemak. Sejurnya Zarul tidak dapat menjawab pertanyaan tersebut.

"Saya tiada gambaran di dalam cabin, jadi saya tidak tahu untuk menjawab tetapi bila saya ada persediaan pasti saya boleh menjawab soalan itu", kata Zarul. Zarul juga berkongsi sebagai Pramugara kita perlu sentiasa senyum, pandai bergaul dan ramah dengan orang .

Beliau tidak mengalami sebarang kesulitan atau trauma sepanjang bekerja . " Bila saya menyarung baju uniform saya tidak takut ", kata Zarul.

Zarul mengakui situasi Covid-19 ini menyebabkan ramai anak kapal diberhentikan kerja tetapi pada Zarul kerjaya sebagai pramugara masih ada masa depan. "Future ada tetapi bukan buat masa sekarang", jelas Zarul.

Nasihat Zarul kepada pelajar-pelajar UniCAM yang mengambil jurusan Cabin Crew mestilah pandai membawa diri, pandai bergaul dan paling utama adalah kekuatan mental untuk melayan semua penumpang pelbagai bangsa di dunia ini . Penampilan diri juga sangat penting sebagai Pramugara/Pramugari.

" Saya bangga ada University College of Aviation dekat Malaysia tak banyak yang ada yang saya tahu UniCAM sahaja "

ZARUL UMBRELLA